



# KOPERASI HARTANAH ANGGUN BERHAD (W-5-1201)

(Pejabat Koperasi): No. 12, Jalan Niaga Bestari 8, Puncak Bestari, 42300 Kuala Selangor.  
Tel : + 603 – 3393 9025

Emel : admin@koperasihartanahanggun.com.my  
Laman Web : www.koperasihartanahanggun.com.my

Rujukan kami : KOHAB/PKLLG/2021/0021

Tarikh : 30 September 2021

Kepada : Usahawan Hartanah KOHAB  
Pengurus Agensi ( AM )  
Pengurus Agensi Kumpulan ( GAM )  
Pengarah Agensi ( AD )  
Pengarah Agensi Kumpulan ( GAD )

Daripada : Pengerusi Koperasi Hartanah Anggun Berhad

S.K : Ahli Lembaga Koperasi, Koperasi Hartanah Anggun Berhad  
Ahli – ahli Koperasi, Koperasi Hartanah Anggun Berhad

## PENJENAMAAN DAN PENYELARASAN MANFAAT SKIM ZERO DEPOSIT PLUS ( SZDP )

Perkara diatas adalah dirujuk.

2. Koperasi Hartanah Anggun Berhad terlebih dahulu ingin mengucapkan ribuan terima kasih diatas sokongan yang telah diberikan oleh anggota KOHAB selama ini.
3. Sebagai anggota KOHAB, adalah perlu diperakui bahawa sudah ramai rakyat Malaysia khususnya kakitangan kerajaan telah berjaya memiliki rumah dengan menggunakan Skim Zero Deposit dan Skim Zero Deposit Plus ( SZDP ) yang ditawarkan oleh Koperasi.
4. Walaupun begitu dan untuk mengelakkan kekeliruan penggunaan skim zero deposit dengan agensi jualan yang lain, berkuatkuasa 1 Oktober 2021, Koperasi Hartanah Anggun Berhad akan menjenama dan menyelaras manfaat Skim Zero Deposit Plus seperti berikut :

BIL	PENJENAMAAN MANFAAT SZDP
1	TANPA DEPOSIT
2	TANPA BAYARAN TEMPAHAN ( <i>Booking Fee</i> )
3	PERCUMA PERJANJIAN PINJAMAN ( <i>Loan Agreement</i> )
4	PERCUMA YURAN GUAMAN ( <i>Sales &amp; Purchase Agreement</i> )
5	PERCUMA KOS TUKAR HAK MILIK ( <i>Memorandum of Transfer (MOT)</i> )
6	PERCUMA <i>Stamp Duty</i> ( Untuk Pemilikan Hartanah Pertama )
7	PERCUMA <i>Stamp Duty</i> ( Untuk Pemilikan Hartanah Ke -2 dan tertakluk kepada terma dan syarat pihak terbabit )



# KOPERASI HARTANAH ANGGUN BERHAD (W-5-1201)

(Pejabat Koperasi): No. 12, Jalan Niaga Bestari 8, Puncak Bestari, 42300 Kuala Selangor.

Tel : + 603 – 3393 9025

Emel : admin@koperasihartanahanggun.com.my

Laman Web : www.koperasihartanahanggun.com.my

5. Selain itu, penjenamaan manfaat ini juga adalah bertujuan untuk :

- 5.1 Membezakan jenama KOHAB dengan agensi jualan yang lain ;
- 5.2 Memisahkan Skim Zero Deposit pihak lain yang mengelirukan pembeli ;
- 5.3 Makluman tawaran manfaat yang lebih jelas untuk pembeli;
- 5.4 Memudahkan perniagaan yang menguntungkan pembeli ;
- 5.5 Kekal relevan dengan permintaan industri hartanah semasa.

6. Seiring dengan penjenamaan manfaat SZDP, **SEMUA MANFAAT** yang di tawarkan sebelum ini ( SZDP dengan tawaran manfaat keanggotaan percuma ) adalah **TERBATAL** dan di gantikan dengan manfaat Penjenamaan SZDP.

7. Koperasi dengan ini berharap Penjenamaan Manfaat Skim Zero Deposit Plus akan merencanakan kembali aktiviti pemasaran dan penjualan projek perumahan di bawah KOHAB dan seterusnya akan menambahbaik sosioekonomi anggota Koperasi.

8. Penyampaian bagi pekililing ini adalah mencukupi dengan mengambilkira cara penyampaian samada melalui kiriman *whatsapp* atau dihantar ke alamat ahli koperasi (alamat tempat tinggal atau surat menyurat) sepertimana tertakluk dibawah fasal 2.6 Perjanjian Agensi.

Sekian. Terima kasih

“ Membangunkan Ekonomi Sejagat “

KOPERASI HARTANAH ANGGUN BERHAD

MUHAMMAD KHAIRI BIN KASSIM

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF